

Ekonomi: Musa ulangi dasar pembangunan serantau selepas merasmikan



DATUK Musa Hitam (dua dari kiri) berbual mesra dengan sebahagian dari wakil-wakil pertubuhan pembangunan serantau selepas merasmikan

mesyuarat ketiga Jawatankuasa Penyelaras Serantau bagi Pertubuhan-Pertubuhan Pembangunan (ICDDA) di Kuala Lumpur semalam.

KUALA LUMPUR. Selasa — Datuk Musa Hitam hari ini mengulangi pendirian bahawa kerajaan akan menumpukan lebih banyak perhatian terhadap kerjasama dua hala dan rundingan peringkat serantau dalam usaha mengatasi pelbagai masalah ekonomi.

Tetapi, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia tetap sedia menjadi "jambatan" dalam rundingan ekonomi peringkat antarabangsa antara negara-negara maju dengan membangun khususnya dialog Utara-Selatan.

Negara ini, katanya, yakin dapat memainkan peranan itu berdasarkan kesungguhan dan keyakinan sumber-sumber alam dan sistem pengurusan yang sempurna.

"Kepada saya, dialog Utara-Selatan memerlukan kesungguhan dan keabsahan dari semua pihak. Masa ini tidak terdapat kesedaran yang sungguh-sungguh di kalangan negara-negara berkenaan ke arah usaha mewujudkan satu Dasar Baru Ekonomi Antarabangsa.

"Ini menyebabkan Malaysia semacam membe-

ri perhatian yang tidak berapa berat kepadanya. Kita sekarang berhartaan perhatian ke kawasan-kawasan yang lebih kecil.

"Malaysia juga berpendapat bahawa walau apa juga perubahan yang dapat diwujudkan di bidang ekonomi antarabangsa, kita tidak boleh melupakan hakikat bahawa negara sendiri mesti diutamakan," jelasnya.

Menganggap

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap memnamakan mesyuarat ketiga Jawatankuasa Penyelaras Serantau bagi Pertubuhan-Pertubuhan Pembangunan (ICDDA) di sini.

Seramai 75 peserta dari pelbagai pertubuhan pembangunan di rantau Asia Pasifik, Afrika, Amerika Latin, Eropah dan Timur Tengah menghadiri mesyuarat tiga hari itu.

Selain dari kurangnya usaha bersungguh-sungguh bagi menjalankan dialog Utara-Selatan itu, Datuk Musa berkata negara-negara maju, khususnya di Barat hendaklah jangan menganggap negara-negara membangun sematamata sebagai "penerima".

"Selama ini, negara-negara di Utara atau Barat dengan megah

menganggap diri mereka sebagai pemberi dan negara-negara di Selatan pula sebagai penerima.

"Anggapan ini tidak seharusnya wujud kerana ia bertentangan dengan konsep utama Dasar Baru Ekonomi Antarabangsa sendiri," jelasnya.

Datuk Musa berkata, usaha-usaha pembangunan harus diselaraskan dan kerjasama ekonomi dua hala boleh diperluaskan ke peringkat serantau bagi mencapai matlamat itu.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, rantau Asia Tenggara kini adalah salah satu kawasan yang paling pesat membangun di dunia dan ini tidak semata-mata berpunca dari kekayaan sumber-sumber asli negara-negara di rantau ini.

"Ini tidak semata-mata bergantung kepada faktor bahawa kita berbilang baik dikurniakan dengan sumber-sumber asli dengan mewah. Apa yang lebih penting ialah hasil kerja kuat kita dan sistem pengurusan yang cekap.

"Kemerdekaan tidak akan memberi makna jika kita tidak dapat mengisytiharkan kemajuan dan pembangunan. Kita juga menyedari hakikat bahawa tidak ada pilihan lain bagi mencapai kejayaan melainkan dengan kerja kuat," tambahnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia